

SPR: Pembedulan sempadan sah bawah undang-undang p'raya
MalaysiaKini.com
March 17, 2012

Menukar kawasan mengundi seseorang pemilih ekoran pembedulan sempadan, adalah diperuntukkan di bawah undang-undang pilihan raya, kata Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menurut lamanwebnya, "membedulkan sempadan pilihan raya tanpa mengalih lokasi sebenar pengundi" adalah antara jenis-jenis perubahan yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958.

Seksyen 7 adalah berkaitan dengan pembahagian kawasan pilihan raya.

NONE inilah yang menyebabkan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, yang sebelum ini pengundi di Petaling Jaya Selatan dan kini perlu mengundi di Lembah Pantai ekoran pembedulan sempadan pilihan raya tersebut.

Khamis lalu, SPR menjelaskan bahawa Jalan 16/2, di mana menteri besar didaftarkan, telah tersilap ditanda sebagai sebahagian daripada Petaling Jaya Selatan, sedangkan mengikut sempadan rasmi negeri, lokasinya ialah di Lembah Pantai dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ini bagaimanapun tidak menjejaskan kedudukan Khalid sebagai menteri besar kerana kad pengenalnya (IC) mencatatkan alamat rumah beliau di Pasir Tuntung, Kuala Selangor. Keperluan undang-undang bagi tujuan tersebut adalah berdasarkan IC.

Sehingga 2011, SPR telah cuba untuk menyelaraskan sempadan pilihan raya dengan sempadan rasmi negeri, tetapi memutuskan untuk menangguhkannya sehingga selepas pilihan raya umum kerana berlakunya "kekeliruan awam".

Lamanweb SPR menyatakan bahawa langkah pembedulan sempadan itu bertujuan antara lain, "untuk penyelesaian pengundi kerana mereka akan lebih dekat dengan pusat mengundi" dan bagi mengelak "kesesakan pada hari pengundian".

